

ISLAM HADHARI: Antara Pemalsuan dan Bid'ah

*Al-Fadhil Ustaz Abdul Ghani Samsudin
Pengerusi SHURA*

Pendahuluan

Liku-liku sejarah yang dilalui oleh Islam penuh dengan berbagai ranjau cabaran; baik dari kalangan yang mahu menukar nama asalnya dengan jenama lain seperti “Din Ilahi”, mahupun dengan penambahan perkataan sifat atau dinisbahkan dengan sesuatu lapangan, imej, daerah, dan lain-lain. Motif perbuatan ini juga berbagai. Ada yang bermatlamat untuk menimbulkan kekeliruan. Ada yang sekadar mahu menampilkan klasifikasi akademik tanpa menyedari kesan negatif kepada perbuatan itu. Ada yang mahu menjadikan penjenamaan baru Islam itu asas untuk menolak intipati Islam dan perjuangan Islam yang sebenar. Ada yang berbuat untuk kepentingan politik parti sekular tertentu. Pendek kata, berbagai pihak yang berkepentingan mempunyai matlamat khusus untuk mengaut keuntungan di sebalik penampilan berbagai jenama berkenaan.

Kumpulan penentang agama - umpamanya - mempunyai strategi tertentu untuk membasmi pengaruh agama. Sebagai contoh, pada 6 Julai 2005 lepas suatu persidangan *World Humanist Congress* ke 16 telah diadakan. Persidangan yang diadakan oleh pertubuhan yang bernama International Humanist and Ethical Union di Paris itu membincangkan Science, Religion and the Separation of Religion and State; dengan tujuan seperti berikut:

“The purpose of the Special Session is to contribute to and strengthen the rationalist outlook within academic and teaching circles, and to combat the intrusion of religious and other spiritualistic ideas into Science.”⁴¹

Tujuan yang jelas dinyatakan di sini ialah untuk memerangi dan membentasi meresapnya pengaruh agama dan aliran keruhanian di kalangan akademik, pendidik dan dalam ilmu sains.

Manakala di dalam negara kita pula terdapat usaha parti nasionalis sekular yang merancang untuk menarik sokongan umat Islam agar menyokong perjuangan parti mereka dengan imej dan pendekatan baru yang mereka namakan sebagai Islam Hadhari. Istilah yang memberi penjenamaan baru kepada Islam yang disebut sebagai pendekatan baru ini – menurut kertas kerja asas Islam Hadhari JPM – adalah untuk menarik kakitangan dan pegawai kerajaan agar menyokong perjuangan parti UMNO atas alasan ia adalah Parti Islam yang progresif, liberal dan sederhana.

Latar Belakang Islam Hadhari

Dengan berkurangnya kemenangan BN dalam pilihanraya 1999 dan terlepasnya beberapa buah negeri ke tangan parti pembangkang berikutan krisis dalaman UMNO yang melibatkan PM dan TPM pada masa itu, di samping rekod pemerintahan yang buruk menghakis amalan murni yang demokratik, rasuah politik dan penyalahgunaan kuasa, maka UMNO dan BN di bawah pemerintahan Perdana Menteri yang baru selepas Dr. Mahathir mula memikirkan serta merancang strategi untuk memulihkan imej parti mereka. Antara strategi yang dilakarkan selain dari membentuk sayap puteri dan putera UMNO ialah projek atau pendekatan Islam Hadhari.

Kalimullah Hasan dalam tulisannya yang bertajuk: "Pendekatan Islam Hadhari serasi dengan kemodenan: Pak Lah" menegaskan bahawa Perdana Menteri Malaysia itu antara lain menyebutkan:

Beliau dan penyandang jawatan sebelum ini, Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak pernah membiarkan diri mereka terpengaruh untuk mengamalkan konsep yang lebih 'Islam' sebagai strategi meraih lebih undi, berikutan kehilangan sejumlah besar kerusi kepada parti pembangkang PAS dalam pilihan raya umum 1999.

"Saya percaya pilihan politik rakyat Malaysia sedikit sebanyak dipengaruhi aspek keagamaan, tetapi apa yang lebih penting kepada pengundi ialah pucuk pimpinan negara yang baik dan pertumbuhan ekonomi yang meluas," katanya.

Pendekatan itu membuahkan hasil dalam pilihan raya umum 2004 apabila gagasan parti komponen pimpinan Abdullah memenangi 90.4 peratus daripada semua kerusi yang dipertandingkan, satu rekod yang belum pernah dicapai sebelum ini, dan UMNO memenangi kembali semua sokongan yang kehilangan pada 1990, terutama kerana pendekatan Islam Hadhari."²

Dari pernyataan di atas dan pengamatan kepada sejarah kelahiran idea Islam Hadhari ini kita dapati ia adalah slogan politik dan pendekatan UMNO menggunakan agama untuk mengalahkan parti Islam Se Malaysia dan B.A dalam pilihanraya lalu.

Memang sejarah pertarungan antara Islam dan fahaman serta gerakan kebatilan dari Timur dan Barat merakamkan senario yang sangat sengit dan gawat. Dari peperangan terbuka atas nama Salib hinggalah kepada 'peperangan' yang tersembunyi dan sulit dengan nama humanis, sekularis, orientalis, liberalis, pragmatis dan liberalis. Berbagai perancangan, dalam peringkat NGO's, kerajaan boneka, pertubuhan sedunia, serangan budaya, filem, permainan komputer³, politik dan ekonomi dilancarkan untuk melemahkan Islam dan melahirkan musuh-musuh umat dari kalangan umat itu sendiri. Percubaan ini sedikit sebanyak telah membuahkan hasil yang memberantakkan perpaduan umat dan menimbulkan rekahan dalaman yang serius dan tidak mudah dirawat.

Bentuk serangan pemikiran, budaya dan ketamadunan amat banyak dan pelbagai rupa. Antaranya ialah dengan menampilkan istilah palsu yang mengelirukan, memberi maksud atau pengenalan bangsa dan agama yang herot dan batil dalam kamus-kamus antarabangsa yang tersebar luas seperti *Webster* dan lain-lain. Usaha ini termasuk memberikan nama atau jenama baru kepada Islam untuk kepentingan tertentu dan kemudahan mereka memerangi serta merangka strategi untuk mengesuai negara umat Islam dan menumpaskan Islam.

Penjenamaan Islam Hadhari Sebagai Pengeliruan

Slogan dan pendekatan yang menampilkan penjenamaan Islam baru seperti yang digembar-gemburkan ialah untuk meyakinkan orang ramai dan rakyat Malaysia bahawa BN, UMNO dan sekutu-kutunya adalah parti Islam yang sederhana, mendokong penyebaran nilai-nilai Islam yang suci, menegakkan keadilan dan sebagainya; kendatipun pernyataan dan sejarah sebelum ini menunjukkan mereka terang-terang menidakkan Islam menjadi asas parti dan kumpulan nasionalis itu. Ini adalah usaha mengeksploit nama Islam sebagai label untuk melariskan pengaruh UMNO yang mula terkenal dengan amalan rasuah. Untuk mengukuhkan imej berkenaan ia menjanjikan kebebasan, kemerdekaan, keadilan dan berbagai lagi nilai-nilai lain yang terangkum dalam 10 prinsip Islam Hadhari.

Penggunaan slogan Islam hadhari dengan tujuan untuk meraih undi ini jelas bertentangan dengan kenyataan Presiden UMNO di PWTC tahun lepas yang menegaskan bahawa: "Bukannya budaya UMNO untuk bermain dengan agama. UMNO tidak pernah membenarkan agama dijadikan alat. UMNO menentang tegas agama dipolitikkan."⁴

Prinsip tidak mahu melibatkan agama yang dinyatakan sudah diinjak-injak sebelum ucapan itu dikeluarkan lagi. Malah memang UMNO menggunakan segala-galanya termasuk agama, Jabatan Agama, SPR dan sebagainya untuk tujuan politik sempit parti itu. Islam Hadhari pula adalah slogan agama yang mutakhir dipermain-mainkan oleh UMNO untuk mengelirukan rakyat tentang sifat sebenar parti Melayu berkenaan. Di samping menafikan keabsahan parti Islam sebagai wadah pejuang tulin Islam di persada politik tanahair

Sebenarnya penilaian terhadap sesuatu pendekatan atau program pembangunan negara atau bangsa yang berjenamakan Islam mesti merangkumi asas falsafah parti yang memerintah, sejarah dan track record pemerintahannya, kesesuaian prinsip dan pegangan para pemimpinnya dengan asas-asas Islam; di samping mengenalpasti apakah bentuk penyimpangan dan keherotan pemikiran dan amalan yang telah dilakukannya masa kini. Penilaian tidak boleh dibuat sekadar membaca apa yang tertulis sebagai tujuan atau prinsip program berkenaan sahaja. Penjelasan tentang apa yang “lebih Islam” atau apa yang dianggap asas-asas ajaran Islam perlu tonjolkan dan dikupas.

Pengkaji yang teliti perlu melihat dan meninjau semua aspek yang berkaitan dengan slogan berkenaan dan tidak hanya memusatkan kajian kepada beberapa kenyataan yang diterbitkan atau disiarkan di dalam akhbar. Perspektif politik Islam mendewasakan umat dan memberikan mereka celek akal dan ketajaman pandangan untuk membuat penilaian yang jitu terhadap sesuatu isu atau slogan.

Alasan Golongan Pemberi Jenama Baru kepada Islam

Untuk lebih jelas, wajar kita menelaah alasan-alasan rasional yang diajukan oleh para pendokong ajaran ini.

Menurut salah seorang penulis yang menyokong penjenamaan baru Islam ini: *“...Namun dalam beberapa keadaan sifat hadhariyyah itu wajar untuk ditonjolkan, sebagai satu usaha dan ijtihad bagi menjaga nama Islam. Penambahan ini hanyalah sekadar taukid iaitu bagi lebih menjelaskan. Seperti kita menyebut “Muhammad s.a.w dia al-rasul yang mulia”.*

Penulis artikel berkenaan menegaskan lagi:

“Saya melihat ada kewajaran penjelasan perkataan al-Hadhari bagi kalimah al-Islam dalam beberapa keadaan konteks tertentu. Keadaan-keadaan tersebut, saya rumuskan seperti berikut:

Pertama: *Apabila Islam sedang ditohmah oleh pihak musuh sebagai agama yang tidak bertamadun dan mundur. Perkataan al-Hadhari ditambah bagi menafikan dakwaan tersebut.*

Kedua: *Apabila berlakunya salah sangka non-muslim terhadap sifat Islam dengan menganggap Islam tidak membawa kemajuan dan ketamadunan, atau mereka menyangka Islam sama seperti sifat agama-agama lain. Penambahan perkataan hadhari mungkin boleh membantu mereka memahami kedudukan sebenar Islam.*

Ketiga: *Apabila umat Islam lalai dan cuai dalam menghayati Islam yang syumul seperti yang diajar oleh Allah dan RasulNya sehingga kelihatan mereka tidak lagi menjadi umat yang berdaulat dan megah. Sebaliknya mereka tertindas, terpengaruh dengan kehebatan orang lain sehingga melupai Islam yang bersifat tamadun yang dianuti oleh mereka. Ketika itu perkataan al-Hadhari ditambah bagi mengingatkan umat bahawa Islam yang sebenar bersifat tamadun.*

Keempat: *Ketika umat Islam gagal memperlihatkan kepada dunia ciri-ciri ketamadunan diri yang bersesuaian dengan Islam yang bersifat hadhari. Kemunduran umat menjadi fitnah kepada Islam. Ketika itu, dunia mesti dijelaskan bahawa telah berlaku perbezaan antara sikap penganut Islam dengan Islam yang hadhari. Kemunduran tidak boleh dikaitkan dengan Islam, justeru kerana Islam itu bersifat hadhari.*

Kelima: *Ketika kita sedang melancarkan kempen kesedaran agar umat Islam kembali bangkit membina kegemilangan lampau. Seruan yang mengingatkan tentang tamadun yang menjadi sifat Islam akan mampu menjadikan umat lebih tertumpu dan fokus kepada objektif yang hendak dituju iaitu mereka mesti bergerak membina semula kecemerlangan tamadun."*

Mengenai alasan pertama; walaupun nampaknya seperti logik tetapi ia adalah alasan yang rapoh. Sebab buruk dan hodohnya imej Islam oleh tuduhan dan fitnah tidak semestinya harus dilawan dengan memberi nama atau penjenamaan baru kepadanya. Pertama, itu bukan hak kita dan wewenang kita. Itu adalah hak Allah. Kedua, apakah setiap kali ada tuduhan dan fitnah yang palsu terhadap Islam kita boleh merubah, memberi nama tambahan baru bagi Islam? Ketiga respon boleh dilakukan dengan memberikan penjelasan dan penerangan yang meyakinkan tanpa membuat bid'ah dengan menampilkan nama tambahan baru kepadanya, dan dijadikan pula bahan kempen pilihanraya untuk menjatuhkan parti Islam yang sebenarnya.

Hujah kedua juga jawapannya ialah sama, iaitu yang utama dan patut adalah penjelasan dan penerangan yang berkesan dan bukan penjenamaan.

Hujah ketiga boleh dijawab bahawa umat Islam perlu didedahkan dengan Islam yang syumul dan komprehensif dan bukan hanya aspek kebendaan dan tamadun. Persatuan Ulama, NGO Islam dan parti Islam adalah kumpulan yang memperjuangkan Islam yang syumul termasuk aspek politik dan tamadun. Mereka tidak pernah tergamak untuk menampilkan jenama baru Islam yang bernuansa tamadun untuk tujuan meraih undi dalam pilihanraya. Manakala parti Melayu berkenaan saban hari menggunakan media massa dan juak-juak parti untuk menafikan bahawa dalam Islam ada politik. Mereka tidak jemu-jemu melebalkan ulama yang berjuang dalam politik sebagai ulama yang menyeleweng dan menyalahgunakan agama. Tiba-tiba parti ini pula mahu mengajar kesyumulan Islam kepada para alim ulama dan rakyat dengan menekankan aspek hadhari yang lebih berkonotasi kepada kebendaan dan pembangunan. Tentulah perbuatan ini mengundang persoalan.

Keempat; kegagalan umat dan Negara Islam membangun kebendaan, memaju dan memerdekakan negara mereka bukan kerana agama mereka tidak bernama Islam Hadhari tetapi adalah kerana faktor kejahilan, penjajahan, kemiskinan, faham fatalisme, sekularisme, nasionalisme, keruntuhan akhlak, rasuah politik dan berbagai lagi penyakit masyarakat. Penyakit itu tidak perlu ditambah lagi dengan bida'ah penjenamaan baru bagi agama kita.

Kelima untuk membangkitkan kesedaran tentang kegemilangan Islam masa lampau demi membangun masa kini atas landasan Islam, maka perkara ini perlulah dilakukan oleh kumpulan yang benar-benar yakin dengan kebenaran mutlak dan kesyumulan ajaran Islam. Mereka yang mahu berjuang di bawah panji-panji Islam, atas nama Islam memperkasa pendidikan Islam, kumpulan dan parti Islam dan mengamalkan sahsiah Islamiah. Hal ini tidak mungkin boleh dilaksanakan oleh kumpulan yang melihat umat Islam tidak boleh menganggap bahawa agama mereka lebih benar dari agama orang lain. Atau orang yang menganggap tidak boleh menentang maksiat dengan membuat undang-undang mengenainya, kerana itu bercanggah dengan hak asasi manusia. Atau oleh golongan yang anti kepada hukum dan hudud Allah. Atau mereka yang manangis kerana gejala kemerosotan moral tapi mereka jugalah orang yang mengimport penari dan penyanyi genit yang menghairahkan anak muda dengan "gelek gerudi"nya. Apakah cukup dengan merubah jenama Islam menjadi Islam hadhari untuk membangun tamadun Islam tanpa kesungguhan memerangi faham sekularisme, akta zalim dan rasuah dalam berbagai bentuk yang sudah membarah.

Sebenarnya dalam konteks beragama, umat Islam perlu insaf bahawa arahan dan kewajipan di pundak mereka ialah mematuhi dan menganut ajaran agama Allah yang bernama Islam. Nama agama itu adalah pemberian Allah, Allah menyebutnya

dengan berbagai sifat *al-Din al-Qayyim*, *Dinillah*, *al-Din al-Khalis*, *Dinan Qiaman*, Manusia perlu mematuhi nama yang diberikan oleh Allah itu, justru itu adalah hak prerogatifNya. Kita tidak boleh memandai-mandai memberi jenama baru kepada Islam. Manusia muslim dididik agar tidak memandai-mandai dalam hal agama, sebaliknya patuh dan menurut dengan penuh ta'zim kepada Allah. Allah berfirman dalam Surah al Hujurat ayat satu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْدُمُوا بَيْنَ يَدَيِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَقْرَبُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

“Hai orang-orang yang beriman janganlah kamu mendahului Allah dan RasulNya. Bertakwalah kepada Allah. Memang Allah Maha Mendengar Maha Mengetahui.”

Dalam hadith disebutkan bahawa umat Islam perlu mengikut budaya “*Ittiba*” dan bukan “*Ibtida*”. Sifat memandai-mandai dalam hal ini adalah mendahului Allah dan RasulNya. Setiap perkara yang direkacipta dalam hal agama yang tentunya juga termasuk menjenamakan agama dengan jenama baru adalah terlarang, kerana ini termasuk dalam perkara bid'ah. Sebab itu perkara seperti ini ditegah oleh Presiden Persatuan Ulama Sedunia dalam fatwa beliau berkenaan penjenamaan ini.

Penjenamaan Sebagai Suatu Bid'ah

Menamakan Islam dengan berbagai jenama baru – menurut Syaikh Yusuf al-Qaradhawi – ialah bertujuan untuk membentuk imej Islam sebagai suatu entiti yang berpecah-belah dan tidak boleh diharap untuk membangun keharmonian dunia.⁵ Kumpulan penentang Islam mempunyai kelihaihan dalam memberi nama dan imej buruk dan berpecah-belah kepada Islam dan umatnya. Mereka mengklasifikasikan Islam dengan Islam politik dan sebagainya untuk menjauhkan orang ramai dari Islam yang sebenar dan kemudian mencipta jenama Islam baru yang disuap kepada orang ramai sebagai Islam yang modern dan bertamadun untuk diikuti. Manakala jaguh yang menanganinya ialah manusia dan parti sekularis yang menolak hudud, Negara Islam dan menarik pembiayaan awam terhadap sekolah-sekolah agama rakyat, menentang kewujudan parti Islam, menghalang alim ulama yang muktabar dari berceramah di masjid-masjid dalam negara dan melakukan berbagai jenis kezaliman sepanjang pemerintahan mereka.

Al-Qaradhawi menegaskan:

“Penamaan atau penjenamaan ini semestinya ditolak, justeru ia adalah sebahagian dari perancangan musuh untuk mengelirukan dan menimbulkan perpecahan dalam masyarakat Islam. Islam hanya satu; seperti yang diturunkan oleh Allah dan dianut oleh penganutnya. Akan tetapi musuh-musuh mereka mahu menampilkan berbagai jenama Islam. Kadang-kadang menurut taburan geografi, periode, bangsa, mazhab atau berbagai klasifikasi baru dan seterusnya. Klasifikasi dan penjenamaan baru seperti ini hendaklah ditolak oleh setiap orang Islam. Justeru Islam yang benar tetap satu iaitu Islam al-Quran dan al-Sunnah⁶

Penjenamaan baru untuk Islam adalah suatu bid'ah dan menyalahi konsep ubudiyah dan penyerahan yang total kepadaNya. Baginda Rasulullah berpesan:

أوصيكم بتقوى الله والسمع والطاعة وإن كان عبداً حبشياً فإنه من يعش منكم بعدي فسيرى اختلافاً كثيراً فعليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهديين عضوا عليها بالنواجذ وإياكم ومحدثات الأمور فإن كل محدثة بدعة وكل بدعة ضلالة (رواه أبو داود

“Aku berpesan kepada kalian agar bertaqwa kepada Allah, sentiasa mendengar dan patuh walaupun dari ketua orang Habsyi . Sesungguhnya orang yang hidup selepas aku akan melihat berbagai perbezaan yang banyak. Namun hendaklah kalian berpegang kepada sunnahku dan sunnah para Khalifah Rasyidin yang mendapat bimbingan (Allah). Berpegang teguhlah dengan sunnah itu. Awas kalian dari menurut (agama) ciptaan baru. Setiap yang baru adalah bid'ah, setiap bid'ah adalah kesesatan (Dalalah). Manakala setiap Dhalalah nerakalah kesudahannya.” (Hadith riwayat Abu Daud).

Baginda menegaskan lagi:

اتبعوا ولا تتبدعوا فقد كفيتم (رواه الطبراني)

“Amalkan budaya ikut sunnah dan jangan buat bid'ah. Dengan itupun kalian sudah selamat.” (Hadith riwayat al Tabrani)

‘Umar Ibn Abdul Aziz berkata:

سن رسول الله وولاية الأمر من بعده سنناً الأخذ بها تصديق بكتاب الله واستكمال لطاعة الله وقوة على دين الله ليس لأحد تغييرها ولا تبديلها ولا النظر في شيء خالفها . من عمل بها فهو مهتد ومن استنصر بها فهو منصور ومن خالفها اتبع غير سبيل المؤمنين وولاه الله ما تولى وأصله جهنم وساءت مصيراً [رواه ابن عبد البر وذكره الشاطبي في الاعتصام.

“Rasulullah dan para pemimpin selepas beliau telah melakarkan suatu sunnah; mengikutinya adalah tanda kepercayaan kepada kitab Allah, memenuhi ketaatan kepadanya dan lambang kekuatan berpegang kepada agamanya. Tiada siapa yang berrhak merubah, menukar ganti atau merombak sehingga menyalahinya. Siapa yang menurut sunnah itu dia mendapat bimbingan. Siapa yang mencari kekuatan dengannya akan ditolong. Akan tetapi siapa yang menyalahinya bererti ia mengikut bukan jalan orang mukmin. Oleh itu, Allah tentu akan jerumuskan dia menurut jalan yang salah dan dia akan dimasukkan ke dalam neraka jahannam. Itulah seburuk-buruk tempat kembali.”

Hak memberi nama kepada agama Islam ini adalah hak Allah seperti mana yang telah kita tegaskan sebelum ini. Manakala pendekatan yang sah ialah pendekatan yang berasaskan kepada nas syara' dan dalil sirah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah. Manhaj dan pendekatan yang tidak menafikan hak Islam untuk diperjuangkan dalam akidah, politik, budaya dan sebagainya. Setiap pendekatan yang menidakkan nama Islam diperjuangkan sebagai sebuah parti, mengamalkan dasar sekularisme, menyekat perkembangan dakwah yang sebenarnya, melanjutkan budaya dan sistem rasuah, menindas oposisi, memalsukan pengamalan syura atau demokrasi, menyalahgunakan Jabatan Kerajaan dan dana awam adalah bercanggah dengan manhaj pembangunan Islam yang hakiki. Pendekatan Islam tidak pernah membenarkan fitnah, pembohongan, penipuan, rasuah dan kezaliman sebagai asas membina pemerintahan dan membangun peradaban.

Pembid'ah Tersekat Dari Meminum Haudh di Padang Mahsyar

Satu amaran yang serius dinyatakan oleh Rasulullah kepada pembid'ah dalam hadith yang agak panjang di mana baginda menegaskan:

فانهم يأتون يوم القيامة غرا محجلين من الوضوء وانا فرطهم على الحوض .. فلا يذادن (يطرد) رجال عن حوضي, كما يذاد البعير الضال, أناديهم, ألا هلم .. ألا هلم .. ألا هلم .., فيقال: انهم قد بدلوا بعدك, فأقول: فسحقاً فسحقاً . (الموطأ و مسلم واحمد وابن ماجه)⁷

“Umatku akan datang pada hari kiamat kelak dalam keadaan anggota wudhu' mereka bercahaya . Aku pula mengalu-alukan kehadiran mereka di (pinggir) Haudh. .. Oleh itu janganlah ada sesiapa dari kamu yang dihalangi mendekati kolamku bagaikan unta liar di halau dari mendekati kolam minuman. (Waktu itu) aku menyeru mereka dengan berkata; marilah, segeralah, ayuh cepat (minum). Tapi (ada segolongan yang dihalang lalu aku katakan: mereka adalah umatku) Lalu di jawab: Mereka telah meminda (agama) sepeninggalanmu. Aku pun berkata: celaka, dan celaka. (Hadith riwayat Malik, Muslim Ahmad dan Ibnu Majah)

Dalam hadith lain dinyatakan:

“أتي الحوض، فأرى أناساً من أمتي يحدون عن الحوض كما يحد البعير الأجر، فأقول: يا رب أمتي أمتي، فيقال لي: يا محمد إنك لا تدري ما أحدثوه بعدك فأقول، سحقاً سحقاً”

“Aku pergi ke kolam minuman tiba-tiba aku melihat segolongan dari umatku dihalang dari mendekati kolam bagaikan unta berpenyakit dihalau. Aku pun berkata; Hai Tuhan mereka itu adalah umatku, dari kalangan umatku. Tapi

(alasan itu) dijawab: Hai Muhammad, engkau tidak tahu apa yang telah mereka reka cipta selepas (ketiadaan)mu. Lalu akupun berkata: Suhqan-Suhqan”

Hadith yang menyatakan perkara ini agak banyak dengan berbagai riwayat. Oleh itu umat Islam perlu memastikan pegangan agama mereka adalah pegangan yang benar agar mereka tidak kecewa pada hari kiamat kelak.

Dalam memaparkan kekeliruan parti UMNO - baru-baru ini - terhadap makna kesesatan, Tuan Guru Haji Nik Aziz menjelaskan dalam tulisan beliau bertajuk *Ajaran Sesat: Menjawab Kekeliruan Yang Mengelirukan*

...“Jika Ayah Pin sekadar memungut pengaruh sokongan dalam lingkungan 1,000 hingga 2,000 orang, apa pula kedudukan gerakan yang berselindung di atas nama Islam tetapi mengeluarkan pendapat-pendapat yang bertentangan dengan Islam?”

Langkah Sister’s in Islam yang mempelopori berpuluh-puluh NGO dan beratus-ratus cendekiawan untuk cuba mencadangkan kuasa pencegahan maksiat semua akta dan enakmen ditarik balik adalah termasuk sesuatu yang amat menyedihkan.

Masakan tidak sesat apabila Allah S.W.T mewajibkan kita menegakkan makruf dan mencegah kemungkaran secara serentak tetapi bagi SIS dan penyokong-penyokongnya, usaha kawalan akhlak untuk mencegah kemungkaran melalui undang-undang mesti dihentikan kerana ini bertentangan dengan hak asasi manusia. Secara logik pun, mana ada kerajaan di dunia yang tidak mengawal kebebasan rakyatnya.

Anihnya, kesesatan ini turut di “endorse” dan disokong oleh Jawatankuasa Kaukus di Parlimen yang dipengerusikan oleh seorang menteri penuh dan kelihatan turut disokong pula oleh beberapa orang menteri. Semuanya dari UMNO tentunya.

Perihal meratanya pengaruh pemikiran sesat ini terbukti serius apabila ia terpaksa dibawa ke kabinet lalu diputuskan agar ditangguh. Kenapa ditangguh apabila ia terang-terang didapati bercanggah dengan Islam? Apakah Kerajaan UMNO/BN juga turut bersekongkol dan bersyubhah dengan pihak yang sesat, walaupun ia tidak sesat?

Aspek kekeliruan kedua ialah penguatkuasaan undang-undang dalam aspek jenayah Syariah apabila berlaku pelanggaran. Datuk Noh Omar sering mengulangi bahawa ugama berada di bawah bidang kuasa negeri. Dalam konteks ini, mari kita ulangkaji kes saman Jabatan Agama Wilayah Persekutuan ke atas Jeslina Hashim bersama 99 orang lagi di kelab malam The Zauk Jalan Ampang. Sekali lagi, rakyat boleh saksikan satu contoh amalan songsang. JAWI mahu menguatkuasakan undang-undang syariah tiba-tiba JAWI pula yang salah. Mereka yang dituduh dilepaskan. Apa yang diperbesarkan ialah sikap pegawai penguatkuasa yang kononnya tidak beradab dalam membuat serbuan dan tangkapan. Jelas di sini bahawa kelemahan pelaksanaan telah digunakan untuk mewajarkan langkah membatalkan prinsip.

Contoh ketiga ialah amalan merobohkan Masjid di RTB Bujal, Terengganu. Ini baru saja berlaku pada bulan Jun 2005. Kompleks Pemujaan Ayah Pin di atas tanah seluas 2 hektar di Batu 13, Jeritih dengan belanja dianggarkan RM5 juta masih tegak di situ (Mingguan Malaysia 10 Julai 2005) walaupun telah disahkan sesat

tetapi “Rumah Allah” yang dibina dengan ikhlas untuk tujuan solat jamaah diruntuhkan. Kita ada bukti bergambar.

Saya tidak faham apa rasional kerajaan UMNO/BN yang kelihatan masih bertanggung-tanggung dalam isu ini. Janganlah pula rakyat boleh bersangka buruk. Seolah-olah UMNO melambat-lambatkan tindakan semata-mata kerana 1,000 orang pengikut ajaran sesat tersebut yang mungkin boleh menyelamatkan sekurang-kurangnya satu peti undi.

Bahkan jika kita rajin membelek-belek akhbar lama, sejarah UMNO/BN penuh dengan contoh-contoh jelek mengenai sikapnya terhadap Islam. Dalam isu hudud misalnya, apa sangkaan baik yang rakyat boleh berikan apabila Presiden UMNO sendiri yang menjadi Perdana Menteri diketika itu menyebutkan. 3 kenyataan kontroversi iaitu:

Petikan 1: Kenyataan Dr Mahathir di Seremban.

“Kita tahu ia (hukum hudud) memang tidak boleh dilaksanakan. Saya tak khuatir jika ada orang kata saya tak Islam, malah pendirian saya lebih Islam.” (Berita Harian, 13 Ogos 1999, Gaji guru terjamin)

Petikan 2: “Kita (Majlis Tertinggi UMNO) membuat keputusan tidak akan melaksanakan hukum hudud di negeri yang diperintah UMNO.” (Berita Minggu, 3 Mei 1992, UMNO tidak laksanakan hudud)

Petikan 3: “Hudud UMNO ada dalam al-Quran, kita tidak payah apa-apa Draf mengenainya. Kita ikut saja apa yang disebut dalam al-Quran kerana yang paling utama ialah keadilan.” (Berita Minggu, 11 September 1994, jangan campuraduk agama, politik)

Di satu masa yang lain, ada seorang VIP bertaraf Tun pernah menyatakan yang beliau tidak berjumpa ayat al-Quran yang mengharamkan judi. Pernah pula bekas pemimpin nombor satu UMNO menyebutkan juga bahawa agama ini adalah soal peribadi. Tidak hairanlah, anak beliau yang diberikan ruang khas menulis dalam akhbar The Star amat tidak bersetuju dengan langkah “moral policing” yang dilihat sedang diamalkan oleh Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri.

Mashitah Keliru

Sikap Dato’ Dr. Mashitah, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri yang menghalalkan pelacuran jika darurat adalah satu lagi bentuk kekeliruan yang dicampakkan oleh UMNO di tengah-tengah masyarakat. Pendapat yang mengelirukan ini boleh menyesatkan.

Apakah maksudnya di sini, jika adalah sedikit kecemasan yang melibatkan kesuntukan kewangan, maka wanita boleh keluar melacur diri dengan sewenang-wenangnya? Jika inilah lorong jawapan yang disediakan oleh UMNO, maka ini seakan UMNO sudah menghalalkan pelacuran. Jika tidak percaya, tubuhkan pasukan penyelidik untuk menemubual semua pelacur dinegara ini. Tentu mereka akan mengambil hujah Dr Mashitah ini untuk menghalalkan zina dan pelacuran.

Pada saya, sikap pemimpin UMNO yang gemar mengelirukan rakyat mengenai Islam lebih berbahaya dari kegiatan sesat Ayah Pin atau Hassan Anak Rimau. Saya tidak

sekali-kali membela mana-mana ajaran sesat. Cuma saya mahu skop dan definisi ajaran sesat itu di perluaskan. Pemakaiannya perlu serata dan sekata. Jika kanji boleh meresap ke setiap helai kain yang di rendam, begitulah definisi ajaran sesat. Kertas litmus menghukum nilai asid atau alkali tanpa mengira sesiapa. Demikianlah seharusnya.”.

Pandangan ringkas Tuan guru Nik Abdul Aziz ini cukup memaparkan realiti kumpulan yang mahu menegakkan Islam Hadhari atau Islam tamadun berkenaan.

Penutup

Akhirnya kita tegaskan bahawa segala bentuk amalan umat Islam wajar terus berada di atas landasan sunnah. Manakala amalan – menurut Syaikh Saleh Fauzan - hanya akan menjadi sunnah kalau memenuhi enam kriteria berikut, iaitu:

1. Sebab yang Syar'i
Orang yang beribadah atas dorongan sebab yang tidak syar'i, maka amalannya dianggap "*Bid'ah Mardudah*"
2. Jenis yang Selaras dengan Syara'
Orang yang beribadah korban dengan menyembelih kuda - umpamanya - maka korbannya dianggap tidak sah sebab ia bukan binatang yang ditetapkan oleh syara'.
3. Kadar yang Syar'i
Siapa yang menambah dan mewajibkan mana-mana solat baru melebihi lima waktu yang telah ditetapkan maka perbuatan tersebut dianggap bid'ah. Begitu juga kalau ada yang bersembahyang zohor dengan lima rakaat, maka solat tersebut juga dianggap tidak sah.
4. Kaifiat dan Kaedah Perlaksanaan yang Syar'i
Sesiapa yang berwudhu' dengan mendahulukan perbuatan membasuh kaki, seterusnya membasuh kepala, tangan dan muka maka wudhu'nya adalah *batil*; kerana menyalahi syara'.
5. Masa yang Menepati Syara'
Orang yang melakukan ibadah korban di awal Zulhijjah, maka korbannya tidak diterima sebab ibadah itu dilakukan di luar masa yang ditetapkan oleh syara'.
6. Tempat yang Syar'i
Sesiapa yang mahu ber'tikaf tetapi ia ber'tikaf bukan dalam masjid tetapi di pejabat atau di tanah lapang – umpamanya - maka i'tikafnya tidak sah, justeru menyalahi tempat yang telah ditetapkan oleh syara'.⁸

Berpandukan kepada kriteria di atas dan oleh kerana sebab dan alasan untuk memberikan jenama baru kepada Islam tidak dapat dipertahankan dan tidak tegak atas dasar syara', maka perbuatan menampilkan pedekatan baru dengan nama Islam Hadhari adalah Bid'ah Mardudah. Ia mengelirukan umat tentang hakikat, perjuangan dan pejuang-pejuang Islam yang sebenarnya. Oleh itu umat Islam perlu didedahkan dan mendedahkan tujuhala sebenarnya kelompok-kelompok politik yang menyimpang dari ajaran agama Islam yang hakiki demi mempertahankan maruah dan martabat umat itu sendiri.

Dalam konteks perbezaan pendapat di kalangan ulama dan para da'i yang berjuang atas landasan Islam, maka kita wajar berpegang kepada manhaj dan prinsip ulama Salaf yang dinyatakan oleh Syaikh Safiurrahman Mubaakfuri sebagai berikut:

1. Kemantapan Dalam Ilmu Pengetahuan. Orang yang separuh matang dan mempunyai kadar ilmu yang alang kepalang lebih banyak merosak dari membina.

2. Mengenalpasti "Mahallunniza" atau perkara sebenar yang tidak disepakati.
3. Bersifat adil dalam menghukum orang yang berbeda pendapat; walaupun orang berkenaan bersikap tidak adil kepadanya. Ini berdasarkan firman Allah: *Aku diperintahkan agar berlaku adil terhadap sesama kalian*. (Surah Syura:15). Ini terhadap golongan yang beragama lain; apatah lagi terhadap orang seagama
4. Berbaik sangka terhadap pendakwah atau ulama yang lain
5. Memastikan agar niat yang melatari dialog perbincangan ialah menyatukan umat dan mengukuhkan perpaduan dan bukan memecah-belahkan umat
6. Mengekalkan ikatan wala' dan "Munasarah"; saling bantu-membantu dan bukan memusnahkan sendi ikatan itu.
7. Mengiktiraf kebaikan orang lain atau mengakui perbuatannya yang benar dan betul.⁹

Semoga kita semua berada di atas landasan Islam yang lurus dan dilimpahi rahmat Allah dan Rasulnya. Allah Akbar, Allah Akbar Allah Akbar.

AGS

Kelang 14 Julai 2005

¹ http://librepenseeFrance.ouvaton.org/iheu/Session_Science.html

² <http://berita.perak.gov.my/pelbagai/pm041004>

³ Lihat :<http://www.islamonline.net/arabic/arts/2005/06/article08.shtml>

⁴ Lihat tulisan AGS: Islam Hadhari Ciptaan UMNO dalam

<http://tarbiyah.selangorbaru.org/Portals/0/ISLAM%20HADHARI%20CIPTAAN%20UMNO.doc>

⁵ Lihat Fatwa beliau yang bertajuk "Al Islam al Siasi : Attasmiah Wa al-Hukm dalam URL berikut :

<http://www.islamonline.net/fatwa/arabic/FatwaDisplay.asp?hFatwaID=1568>

⁶ <http://www.islamonline.net/fatwa/arabic/FatwaDisplay.asp?hFatwaID=1568>

إن هذه التسمية مرفوضة، وذلك لأنها تطبيق لخطئة وضعها خصوم الإسلام، تقوم على تجزئة الإسلام وتقنيته بحسب تقسيمات مختلفة، فليس هو إسلاماً واحداً كما أنزله الله، وكما ندين به نحن المسلمون. بل هو "إسلامات" متعددة مختلفة كما يحب هؤلاء.

فهو ينقسم أحياناً بحسب الأقاليم : فهناك الإسلام الآسيوي، والإسلام الإفريقي. وأحياناً بحسب العصور : فهناك الإسلام النبوي، والإسلام الراشدي، والإسلام الأموي، والإسلام العباسي، والإسلام العثماني، والإسلام الحديث. وأحياناً بحسب الأجناس : فهناك الإسلام العربي، والإسلام الهندي، والإسلام التركي، والإسلام الماليزي ... الخ.

وأحياناً بحسب المذهب : هناك الإسلام السني، والإسلام الشيعي، وقد يقسمون السني إلى أقسام، والشيعي إلى أقسام أيضاً. وزادوا على ذلك تقسيمات جديدة : فهناك الإسلام الثوري، والإسلام الرجعي، أو الراديكالي، والكلاسيكي، والإسلام اليميني، والإسلام اليساري، والإسلام المنتزمت، والإسلام المنفتح. وأخيراً الإسلام السياسي، والإسلام الروحي، والإسلام الزمني، والإسلام اللاهوتي ! ولا ندري ماذا يخترعون لنا من تقسيمات يخينها ضمير الغد !؟ والحق أن هذه التقسيمات كلها مرفوضة في نظر المسلم، فليس هناك إلا إسلام واحد لا شريك له، ولا اعتراف بغيره، هو " الإسلام الأول " إسلام القرآن والسنة

⁷ Lihat tulisan Syaikh Yusuf al Badri, *al-Muhlikat al-Mubiqaat; Mujibat al-Nar*, Cetakan Dar al-F'tisam, Kaherah 1986 hal.: 149

⁸ Teks penuhnya dalam B.A. ialah :

*الأول: السبب فإذا تعبد الإنسان لله عبادة مقرونة بسبب ليس شرعياً فهي بدعة مردودة على صاحبها، مثال ذلك أن بعض الناس يحيي ليلة السابع والعشرين من رجب بحجة أنها الليلة التي عرج فيها برسول الله صلى الله عليه وسلم فالتهدج عبادة ولكن لما قرن بهذا السبب كان بدعة؛ لأنه بنى هذه العبادة على سبب لم يثبت شرعاً. وهذا الوصف - موافقة العبادة للثريعة في السبب - أمر مهم يتبين به ابتداع كثير مما يظن أنه من السنة وليس من السنة.

*الثاني: الجنس فلا بد أن تكون العبادة موافقة للشرع في جنسها فلو تعبد إنسان الله بعبادة لم يشرع جنسها فهي غير مقبولة، مثال ذلك أن يضحي رجل بفرس، فلا يصح أضحية؛ لأنه خالف الشريعة في الجنس، فالأضاحي لا تكون إلا من بهيمة الأنعام، الإبل، البقر، الغنم.

*الثالث: القدر فلو أراد إنسان أن يزيد صلاة على أنها فريضة فنقول: هذه بدعة غير مقبولة لأنها مخالفة للشرع في القدر، ومن باب أولى لو أن الإنسان صلى الظهر مثلاً خمساً فإن صلاته لا تصح بالاتفاق.

*الرابع: الكيفية فلو أن رجلاً توضأ فبدأ بغسل رجليه، ثم مسح رأسه، ثم غسل يديه، ثم وجهه فنقول: وضوءه باطل؛ لأنه مخالف للشرع في الكيفية.

*الخامس: الزمان فلو أن رجلاً ضحى في أول أيام ذي الحجة فلا تقبل الأضحية لمخالفة الشرع في الزمان. وسمعت أن بعض الناس في شهر رمضان يذبحون الغنم تقرباً لله تعالى بالذبح وهذا العمل بدعة على هذا الوجه لأنه ليس هناك شيء يتقرب به إلى الله بالذبح إلا الأضحية والهدي والعقيقة، أما الذبح في رمضان مع اعتقاد الأجر على الذبح كالذبح في عيد الأضحية فبدعة. وأما الذبح لأجل اللحم فهذا جائز.

*السادس: المكان فلو أن رجلاً اعتكف في غير مسجد فإن اعتكافه لا يصح؛ وذلك لأن الاعتكاف لا يكون إلا في المساجد ولو قالت امرأة أريد أن أعتكف في مصلى البيت. فلا يصح اعتكافها لمخالفة الشرع في المكان. ومن الأمثلة لو أن رجلاً أراد أن يطوف فوجد المطاف قد ضاق ووجد ما حوله قد ضاق فصار يطوف من وراء المسجد فلا يصح طوافه لأن مكان الطواف البيت قال الله تعالى لإبراهيم الخليل: *وَصَهْرُ بَيْتِي لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ* (http://www.al-eman.com/Islamlib/viewchp.asp?BID=349&CID=1)

⁹ Teks Arabnya ialah:

- الرسوخ في العلم، فأناصاف المتعلمين يفسدون أكثر مما يصلحون.

2- تحرير محل النزاع والابتعاد عن الإجمال والإبهام والتهويز على المخالف.

3- العدل في الحكم على المخالف ولو جار عليك وظلمك. قال تعالى: (وَأْمُرْتُ لأَعْدِلَ بَيْنَكُمُ) [الشورى:15]. هذا مع أهل الملة، فما بالك مع الفصائل الإسلامية الدعوية.

4- حسن الظن بالداعية المسلم وحمل كلامه على ما أراد، لا على ما تريد أنت من التشنيع عليه وتحميل كلامه ما لا يحتمل، نظراً لما نعلمه من مقصده الحسن وسابقته في الإسلام والدعوة.

5- الحرص على أن يكون القصد من الحوار جمع كلمة المسلمين وتوحيد صفوفهم، لا أن يكون تشويق العمل الإسلامي وتقسيمة هدفاً من الحوار والردود.

6- المحافظة على بقاء الولاء والمناصرة، وألا تجعل الردود على المخالف وسيلة للقضاء على هذا الأصل العظيم: (إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ) [الأنفال:73].

7- الشهادة والاعتراف بما أحسن فيه المخالف وأجاد ووافق فيه الحق، لقوله تعالى: (وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لَتَتَّوَلَّوْا شَهَادَةً عَلَى النَّاسِ) [البقرة:143]. ولا نتعامل مع بعضنا بالمبدأ اليهودي والنصراني الذي حكاه القرآن الكريم: (وَقَالَتِ الْيَهُودُ لَيْسَتِ النَّصَارَى عَلَى شَيْءٍ وَقَالَتِ النَّصَارَى لَيْسَتِ الْيَهُودُ عَلَى شَيْءٍ وَهُمْ يَلْبُغُونَ) [البقرة:113].⁹

Lihat wawancara Islam Web Net dengan beliau:

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/readArt.php?id=92470>